

PIHAK LAIN DALAM DIPLOMASI ANTARABANGSA

Hafriza Burhanudeen

Abstrak

Pihak Lain (PL) dalam penelitian bahasa pada masa ini, yang selalu dibicarakan agar bertentangan dengan Diri Sendiri (DS) merupakan pandangan yang rata-ratanya dipegang, sedangkan kedua-duanya merupakan entiti berlainan yang memiliki latar budaya dan sosiolinguistik yang berbeza. Pada pertentangan inilah, perbezaan daripada hasil penelitian terhadap DS selalu digunakan sebagai latar rujukan untuk mewajarkan sebab-musabab pelbagai perlakuan norma sosial, budaya dan bahasa yang terdapat pada korpus yang dianalisis bagi menghuraikan kepastian pemerian dan penjelasan. Penelitian dalam bidang kekuasaan diplomasi antarabangsa, bagaimanapun, boleh mengemukakan pandangan alternatif terhadap DS dan PL. Makalah ini ingin mengutarakan satu pandangan yang berbeza terhadap DS dan PL dalam diplomasi antarabangsa. Dalam konteks ini, DS dan PL boleh dianggap sebagai dua sisi kepada syiling yang sama, DS ditentukan oleh identiti sosiolinguistik, budaya dan agama seseorang itu, manakala PL selaku orang yang sama, dikehendaki bertindak bukan sebagai DS untuk seketika, kerana akur secara profesional kepada budaya diplomasi untuk mencapai beberapa matlamat diplomasi antarabangsa.

Dalam makalah ini, persoalan pertukaran peranan kepada PL akan disentuh melalui perbincangan mengenai dua soalan. Pertama adalah tentang apakah aspek-aspek penting mengenai budaya diplomasi profesional, komunikasi diplomasi, dan pengurusan yang melibatkan DS, yang mempunyai latar pelbagai agama, bangsa, politik, sejarah, budaya dan norma sosiolinguistik dalam kalangan ahli yang berasal dari negara-negara yang berlainan, yang disatukan dalam arena diplomasi antarabangsa, untuk bertukar peranan semasa mendukung fungsi sebagai PL apabila berbicara tentang kerjasama serantau dan antarabangsa? Kedua adalah tentang

bagaimanakah ciri-ciri komunikasi diplomasi yang diteliti bertindak sebagai jambatan untuk menghubungkan DS dengan PL? Makalah ini diakhiri dengan kepercayaan bahawa *la raison de system* dalam diplomasi, akan tetap muncul pada semua penelitian dalam diplomasi, yakni satu keadaan yang memperlihatkan PL perlu menguasai DS.

Abstract

The notion of the Other in current language studies is frequently juxtaposed against the opposing Self where both entities belong to different sociolinguistic and cultural backgrounds. Here, the latter researched differences are then regularly used as a backdrop to justify the "raison d'être" of the varying norms of social, cultural and linguistic behaviour found in the corpus under study to provide the necessary descriptive and explanatory adequacy. Research in the dominion of international diplomacy, however, can suggest an alternate view of the Self and the Other. This paper would like to offer a different view of the Self and the Other in international diplomacy. In this context, the Self and the Other are two sides of the same coin, the Self shaped by his sociolinguistic, cultural and religious identity and the Other, as the same person having to temporarily suspend his Self through subscription to a professional diplomatic culture to achieve the goals of international diplomacy.

In this paper, the issue of border crossings to the Other will then be addressed through the exploration of the following two questions. Firstly, what are the aspects of professional diplomatic culture, diplomatic communication and disposition that obliges the Self, marked by diversity in religion, ethnicity, politics, history, culture and sociolinguistic norms among members of differing countries to be suspended within the realm of international diplomacy to cross borders to assume the disposition of the Other, concerned with the pursuit of regional and international cooperation? Secondly, how do researched features of diplomatic communication act a bridge between the Self and the Other? The paper ends with the belief that the "la raison de system" in diplomacy will prevail across all other studies in diplomacy, in a place where the Other must dominate over the Self.

PENDAHULUAN

"Komunikasi kepada diplomasi adalah umpama darah dalam badan manusia. Apabila komunikasi berhenti, seluruh nadi politik antara-bangsa, iaitu proses diplomasi mati, dan akibatnya ialah konflik ganas atau kesengsaraan".

(Tran, 1987:8)

Kenyataan Tran di atas merujuk kepada peranan penting yang dimainkan oleh komunikasi dalam diplomasi. Dimensi penting komunikasi diplomasi yang berkesan ialah kewujudan cara pengendalian yang positif dan penuh dengan kerjasama selain yang selari sifatnya, dalam kalangan para diplomat untuk terus memelihara bukan sahaja hubungan interpersonal, malah untuk menjaga dengan rapi hubungan bilateral dan multilateral yang kadangkalanya rapuh, antara negara yang menghadapi isu-isu yang boleh membawa kesan buruk dalam sekelip mata sahaja, kepada hubungan baik serantau atau antarabangsa. Justeru, komunikasi yang merupakan nadi kepada diplomasi yang berkesan, penggunaan bahasa diplomasi yang baik dan betul tidak boleh sama sekali dipandang remeh, apatah lagi dengan wujudnya kepentingan budaya diplomasi yang perlu diurus dengan baik, apabila para diplomat bercakap antara mereka, tentang keperluan memelihara hubungan bilateral atau multilateral antara negara. Perkara yang enting juga tentang komunikasi ini ialah penggunaan satu kod atau bahasa yang sesuai, dan merangkumi *interpretationsgemeinschaft*, iaitu “maksud yang difahami bersama setelah dibuat interpretasi”

(Rommetveit, 1974:88)

Kepentingan Komunikasi

Untuk menyokong pandangan ini, dua penelitian berkenaan dengan bahasa diplomasi dari sudut wacana oleh Hafriza Burhanudeen (2003b dan 2004), yang membuktikan wujudnya *interpretationsgemeinschaft* dalam komunikasi diplomasi dirujuk. Dalam Hafriza Burhanudeen (2003b), kod atau bahasa yang difahami bersama, yang digunakan dalam pelbagai ragam perutusan diplomasi, yang menyampaikan beberapa maksud, seperti cadangan, kritikan, pujian, amaran, penjelasan dan nasihat, perlu mematuhi satu sistem etika kompleks yang sedia ada, agar mesej yang diterima oleh pihak yang mewakili negara lain, tidak akan menyebabkan timbulnya rasa tidak puas hati kepada pihak penerima itu. Antara situasi yang terlibat termasuklah permintaan daripada sebuah kerajaan asing untuk menggunakan ruang udara Malaysia, kebenaran untuk kapal perang asing memasuki perairan Malaysia, bantahan terhadap kerja penambakan yang dipercayai dilakukan dalam sempadan Malaysia oleh sebuah negara jiran, rungutan tentang pencemaran udara atau air di antara sempadan, dan ehwal pentadbiran rutin antara kerajaan.

Kepentingan kod atau bahasa yang difahami bersama juga diperlihatkan dalam Hafriza (2004), yang menganalisis ucapan-ucapan yang mengandungi komunikasi diplomasi sewaktu Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-12, dan Sidang Kemuncak Pertubuhan

Persidangan Islam (OIC) ke-10, kedua-duanya berlangsung pada 2003 di Kuala Lumpur. Dapatan ini adalah sama dan selari dengan yang diperoleh dalam Hafriza Burhanudeen (2003b). Kedua-dua Hafriza Burhanudeen (2003b dan 2004) memperlihatkan wujudnya cara berkomunikasi yang mengikut gaya berbahasa dalam diplomasi (Matos, 2004:283), yang dikehendaki ada, dan diamalkan dalam usaha “mencari, memupuk, serta mempromosikan keamanan”. Sehubungan dengan ini, *interpretations-gemenschaft* juga memerlukan para diplomat mahir dalam “tidak berkata kurang dan juga lebih daripada apa-apa yang ingin disampaikan”. Kurang dalam konteks ini adalah kerana isyarat verbal, dan bukan verbal mereka tidak dapat difahami dengan cepat, dan lebih-lebih lagi kerana kata-kata mereka boleh menyampaikan maksud yang tidak pun dihasratkan, yang kemudiannya boleh menimbulkan pelbagai kesan yang tidak diingini (Jonsson dan Hall, 2002:7). Satu lagi kemahiran dalam komunikasi ialah penggunaan perlakuan bukan verbal untuk menyampaikan maksud yang dihajati kepada hadirin yang terdiri daripada pelbagai latar, sambil pada masa yang sama berjaya menafikan perlakuan ini wujud dan berlaku. Inilah antara beberapa pengetahuan awalan yang diperlukan seseorang diplomat supaya mereka dapat berfungsi dengan cekap, dalam situasi-situasi yang melibatkan kekangan-kekangan yang berbeza, semasa menggunakan kod atau bahasa yang difahami bersama.

Sehubungan dengan ini, usaha “mencari, memupuk, serta mempromosikan keamanan” tidak hanya merujuk kepada bahasa dan kemahiran komunikasi yang dianggap mustahak untuk para diplomat, tetapi juga merupakan perkara penting kerana secocok dengan keperluan mengamalkan budaya diplomasi profesional, iaitu satu budaya yang memerlukan para diplomat berkomunikasi secara ramah walaupun berhadapan dengan isu ketahanan etnolinguistik, perbezaan budaya, dan selalu juga pandangan yang berbeza tetapi bernas antara para pemimpin politik di negara masing-masing.

Makalah ini menggunakan konsep budaya diplomasi profesional (Hofstede, 2004). Mengikut Hofstede (2004:2), “para diplomat berkongsi sesama mereka satu budaya profesional, tanpa mengira negara mana yang diwakili mereka. Budaya ini membolehkan mereka melihat kedua-dua sudut pada sesuatu masalah dan masih boleh bercakap dengan rakan-rakan diplomat yang berasal dari, atau mewakili negara-negara lain, yang mempunyai pelbagai latar. Budaya ini memisahkan para diplomat daripada ahli-ahli politik negara mereka, yang sering kali dinaikkan pangkat kepada kedudukan masing-masing dengan memanifestasikan pandangan-pandang-

an yang baik lagi meyakinkan; untuk sokongan dalam negara, tanpa mempedulikan pandangan dan komen pihak lawan. Resolusi terhadap beberapa masalah antarabangsa yang mendesak, memerlukan kepercayaan dan kerjasama antara para diplomat dan ahli politik, yang merupakan dua aset yang perlu dipertahankan”.

Penelitian dan analisis yang meletakkan identiti sosial, politik, dan budaya sebelah-menyebelah dalam diri seseorang individu, merupakan bahagian penting dalam kajian-kajian Orientalisme dan Oksidentalisme (lihat antaranya Johnson, 1987; Couze Venn, 2001; Aliska, 2003; Buruma, Ian dan Avisha Margalit, 2004). Dalam kajian-kajian ini, kehadiran ketiga-tiga identiti ini yang boleh wujud sebelah-menyebelah dalam diri seseorang individu, didokumentasikan. Sehubungan dengan ini, pengiktirafan terhadap ketiga-tiga identiti ini dikaitkan dengan realiti diri peribadi seseorang itu, yang ikut wujud bersama-sama dengan diri awamnya, dan diri awam inilah yang didapati selari dengan imej sosial, politik, dan budaya yang dihasratkan oleh seseorang itu apabila diri awamnya ditonjolkan, tetapi pada masa yang sama tidak pun mencerminkan langsung identiti sebenar diri peribadinya. Dalam makalah ini, persona peribadi itu dirujuk sebagai Diri Sendiri (DS) dan yang awam itu sebagai Pihak Lain (PL).

Tujuan Penelitian

Makalah ini ingin mengutarakan satu lagi pandangan tentang DS dan PL dalam diplomasi antarabangsa. Sehubungan dengan ini, DS dan PL boleh ditakrifkan sebagai dua sisi kepada duit syiling yang sama, dengan DS ditentukan oleh identiti sosiolinguistik, budaya, dan agama seseorang itu, manakala PL ialah orang yang sama, yang buat sementara waktu “mengetepikan” DS kerana mematuhi budaya diplomasi profesional, untuk mencapai beberapa matlamat diplomasi antarabangsa. Dalam keadaan begini, dengan pertukaran kepada persona awam dalam bentuk PL, seseorang itu dengan persona peribadi dalam bentuk DS, dikehendaki mengetepikan cara berfikir peribadinya tentang sesuatu isu, dan perlu menyuarakan pandangan yang dipersetujui bersama, seperti yang diputuskan oleh kerajaannya.

Perbincangan dalam makalah ini sebahagian besarnya memberikan perhatian kepada korpus, yang terdiri daripada beberapa ciri penting yang terdapat pada PL, berdasarkan ucapan-ucapan dalam arena diplomasi antarabangsa dan perutusan diplomasi. Oleh hal demikian, analisis wacana kritikal terhadap pemilihan bahasa yang digunakan untuk menilai korpus

ucapan, tidak dijadikan fokus dalam makalah ini. Ini adalah selaras dengan tujuan penelitian yang hanya berminat untuk membekalkan huraian bagi menjelaskan *mengapa* PL terikat kepada norma dan nilai ranah PL, dan dikehendaki “mengetepikan” DS daripada berperanan untuk seketika.

Bahagian seterusnya menonjolkan kajian kepustakaan yang relevan, berkaitan dengan budaya diplomasi profesional dan komunikasi diplomasi, sebagai latar kepada perbincangan situasi pertukaran peranan daripada DS kepada PL. Makalah ini bermula dengan pendokumentasian tentang *mengapa* DS “mengetepikan” peranannya untuk membolehkan PL berfungsi. Sebab-musabab ini diikuti pula oleh huraian untuk menjelaskan *bagaimana* pengetepian ini berlaku. Beberapa dimensi yang diutarakan pada ulasan kosa ilmu dan penerangan *mengapa* dan *bagaimana* ini, diharap dapat diterima sebagai usaha sederhana untuk memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang arena diplomasi antarabangsa dan mereka yang ditugaskan untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut.

Gagasan tentang Budaya Diplomasi Profesional dan Komunikasi Diplomasi

Negara-negara yang warganya memiliki pemikiran diplomat tidak memerlukan perwakilan, dan negara-negara yang diplomatnya memiliki fikiran dan perasaan rakyat jelata boleh mengundang huru-hara (Sharp, 1999:14).

Situasi yang berlaku tidak lama dahulu, yang boleh digunakan untuk menerangkan senario pada petikan di atas, ialah isu telaga minyak antara Malaysia dengan Indonesia, yang bersabit dengan bidang kuasa samudera di Laut Sulawesi. Bantahan keras terhadap kehadiran Shell Malaysia di beberapa kawasan yang kaya dengan minyak, oleh sesetengah rakyat Indonesia, telah membawa kepada peristiwa membakar bendera Malaysia serta tunjuk perasaan di hadapan Kedutaan Malaysia di Jakarta. Bantahan ini diikuti oleh wacana dan penggunaan kata-kata permusuhan yang mengancam serta pengisytiharan perang oleh para petunjuk perasaan, dan ini menimbulkan kemarahan dalam kalangan rakyat Malaysia. Ketegangan emosi dalam kalangan sebilangan rakyat dari kedua-dua negara ini adalah tinggi, dan ini boleh membawa kepada keadaan yang lebih runcing, yang boleh sahaja menjejaskan hubungan antara Malaysia dengan Indonesia. Akan tetapi, keadaan buruk ini tidak terjadi kerana para diplomat dari kedua-dua negara ini, tidak terburu-buru dan bekerja keras untuk mencapai penyelesaian damai melalui rundingan secara tertutup. Kalaulah para diplomat ini dirasuk “fikiran dan perasaan rakyat jelata”, sudah tentu

hubungan antara dua negara berjiran ini terjejas. Sudah tentu, dalam kalangan para diplomat ini, ada sesetengahnya yang secara peribadi berasa tidak senang dengan isu telaga minyak ini selaku rakyat biasa pada diri mereka dalam bentuk DS, tetapi keperluan menjalankan tugas mengikut norma budaya diplomasi profesional memaksa mereka bertindak sebaliknya, yakni dalam bentuk persona PL.

Fahaman tentang budaya diplomasi profesional dalam Claes (2004:1) dan Rana (2003:3) adalah selaras dengan pengertian dan maksud yang terdapat dalam Hofstede (2004). Dalam bahagian ini, gagasan tentang budaya diplomasi profesional diperluas mengikut kenyataan Sharp (1999:5) yang mengusulkan perlunya dilangkaui konsep tentang diplomat yang sempit, yang tugas utama para diplomat adalah semata-mata untuk mencegah peperangan daripada berlaku atau mengelakkan diri mereka daripada menjadi punca pertelagahan yang selanjutnya. Sama ada sesebuah negara itu memilih keamanan atau sebaliknya, para diplomat dikehendaki mematuhi segala prosedur semasa berkomunikasi antara satu sama lain, dan prosedur-prosedur ini boleh digunakan untuk meminimumkan potensi, yang boleh menjadi punca konflik yang tidak diinginkan. Ini membawa kepada pemupukan konsep tentang keamanan, *la raison de system*, yang melibatkan satu badan antarabangsa yang memiliki ciri-cirinya yang tersendiri atau kuasa yang boleh menganjurkan sejenis logik, sama ada yang bersifat praktikal ataupun preskriptif, ke atas tingkah laku ahli-ahlinya". Tambah Sharp (1999:6) lagi, "sesungguhnya, logik ini merupakan satu tanggungjawab sepunya untuk memupuk keamanan, dan yang boleh juga menyelamatkan para pemimpin (yang kadangkala bertindak secara tidak diplomatik), dan seterusnya boleh dijadikan contoh-contoh unggul kepada profesion diplomasi. Ini merupakan sesuatu yang boleh teladani oleh para diplomat untuk mempererat hubungan mereka dengan pihak kedutaan serta membezakan diri mereka daripada para ketua mereka yang lebih merupakan pemimpin politik".

Sharp (1999:13) seterusnya memperkukuh kenyataannya itu dengan berkata bahawa para diplomat "melihat diri mereka sebagai golongan penting apabila pihak-pihak lain, iaitu kedua-dua masyarakat awam dan ahli-ahli politik, terpengaruh dengan emosi semasa menuntut maruah negara agar digantikan dengan peperangan, atau terpengaruh dengan kebimbangan mahupun kepentingan diri untuk melepaskan kewajipan antarabangsa yang penting sebagai diplomat, yakni sentiasa berusaha mewujudkan hubungan baik antara negara, apabila para pemimpin politik sudah menjadi berbahaya atau terlalu kuat untuk ditakuti".

Tugas diplomat pada hari ini nampaknya tidak banyak berubah dan masih boleh dikaitkan dengan apa-apa yang diperkatakan oleh diplomat Austria yang prolifik, iaitu Hubner dalam Satow (1908:56–57) bahawa “retak yang menanti belah, dan rundingan hemat serta cinta kepada keamanan yang dapat mengelakkan keadaan daripada terus menjadi buruk, walaupun hanya selama sehari sahaja, ialah kejayaan besar dalam bidang diplomasi”. Meredakan ketegangan dan berusaha ke arah rundingan dan kompromi aman juga merupakan perkara penting dalam budaya diplomasi.

Dengan ini, boleh diandaikan dengan mudah bahawa tugas paling rumit dalam budaya diplomasi, khususnya yang berkenaan dengan mencegah serta mengelakkan ketegangan melalui usaha pemupukan keamanan dan wacana sedemikian, tidak pernah berubah sejak lebih daripada satu abad yang lalu. Seperkara lain yang penting yang disebut-sepanjang kosa ilmu yang diteliti ialah pemikiran seorang diplomat yang harus optimistik, dan memperlihatkan sifat tekun, rasional dan sama sekali tidak boleh emosional, praktikal, bijak dan pintar semasa berhadapan dengan keadaan permusuhan, geruh, dan lain-lain yang seumpamanya.

Kemantapan budaya diplomasi profesional juga bergantung pada satu lagi aspek diplomasi yang penting, iaitu komunikasi diplomasi. Sebagai perluasan kepada *interpretationsgemenscaf*, yakni satu kod atau bahasa yang difahami bersama dalam diplomasi. Matos (2004), semasa memperkatakan hubung kait bahasa dengan diplomasi, mengutarakan dua pemahaman tentang istilah “komunikasi diplomasi”. Pertama ialah yang merangkumi takrifan tentang komunikasi diplomasi oleh Gruber (1983) yang disebut dalam Freeman (1997:49) seperti yang diutarakan oleh Matos (2004). Takrifan itu berbunyi “komunikasi dalam kalangan diplomat adalah seperti jalan dua hala; seseorang itu tidak boleh mengharap banyak keterangan yang dapat diperolehnya sekiranya dia sendiri tidak mahu dan tidak sanggup menyampaikan keterangan”. Pemahaman kedua tentang komunikasi diplomasi ialah pandangan Matos (2004:287) yang mengatakan “berkomunikasi dengan baik dalam bidang diplomasi bermakna para diplomat boleh berbincang dengan rasional dan tidak bertelagah sesama mereka, untuk terus memupuk keamanan, dan lebih penting lagi untuk kesejahteraan umat sejagat”. Dua pandangan mengenai komunikasi diplomasi ini sebenarnya menunjukkan peranan komunikasi diplomasi selari dengan nilai-nilai budaya diplomasi profesional, yang mementingkan usaha ke arah kerjasama daripada menyuarakan bantahan. Beberapa ciri lain dalam komunikasi diplomasi yang selalu mengutarakan perlunya komunikasi diplomasi mematuhi konsep keamanan positif, iaitu *la raison de system*, dalam budaya

komunikasi profesional, ikut dikenal pasti oleh Matos (2004:283–284) melalui penelitiannya. Lima ciri utamanya adalah seperti yang berikut:

1. Tekankan “apa yang perlu dikatakan” secara membina. Elakkan “apa yang tidak perlu dikatakan”.
2. Berfikir dalam bahasa yang mempunyai gaya yang boleh mewujudkan, memupuk, dan mempromosikan keamanan.
3. Belajar mengenal pasti serta mengelak daripada menggunakan bahasa yang mempunyai potensi untuk menjadi agresif dan tidak sensitif selain yang boleh menghina dan merosakkan hubungan.
4. Berkomunikasi secara bijak dan penuh dengan taktik.
5. Mengambil perspektif yang membina, untuk menyatakan sikap, kepercayaan dan emosi. Ingatkan diri untuk memperkatakan “hal-hal positif” semasa bercakap mahupun menulis teks, dan galakkan diri untuk lebih banyak menggunakan kata adjektif, kata kerja dan kata nama yang sifatnya membina, selain yang tidak menjatuhkan maruah manusia.

Ciri-ciri ini menonjolkan satu mesej yang tanpa ragu-ragu lagi, iaitu dalam diplomasi, khususnya melalui komunikasi diplomasi, jenis bahasa yang digunakan boleh membantu mencapai matlamat untuk terus memupuk hubungan baik dan mesra antara sebuah negara dengan negara yang lain. Hal ini merupakan sesuatu yang amat perlu dalam diplomasi.

Perbincangan tentang beberapa pandangan yang ada kaitan dengan budaya diplomasi profesional dan komunikasi diplomasi, boleh digabungkan untuk membentuk serta memupuk kefahaman tentang ritualisasi dalam diplomasi. Mengikut Bell (1992: 89), ritualisasi ini melibatkan satu model formal tentang hubungan baik dan mesra untuk mempromosikan legitimasi dan penghayatan pada hubungan-hubungan baik dan mesra berserta dengan nilai-nilai padanya. Apabila diterapkan kepada diplomasi, pada satu pihak yang lain, Jonsson dan Hall (2005: 12) menyatakan bahawa istilah ritualisasi itu mengingatkan kita kepada (a) “berkata adalah bertindak” dan “bertindak adalah berkata” dalam komunikasi diplomasi, dan (b) kod atau bahasa diplomasi yang difahami bersama itu mempermudah komunikasi sesama ahli-ahli profesion ini, tetapi merumitkan komunikasi antara para profesional dengan yang bukan profesional.

Ritualisasi dalam diplomasi ini sebenarnya ialah kefahaman bahawa kata-kata atau bahasa merupakan alat-alat utama bagi seseorang diplomat. Dengan berkata sesuatu, seseorang diplomat itu melakukan sesuatu aksi,

dan dengan melakukan aksi tersebut, beliau sebenarnya telah pun berkata apa-apa yang perlu disampaikan dalam kod atau bahasa yang difahami bersama dalam bidang diplomasi. Perkongsian ritual begini melegitimasi wujudnya budaya diplomasi profesional, dan juga memantapkan norma-norma komunikasi diplomasi.

Inilah yang dikatakan peranan PL.

Pertukaran daripada DS kepada PL

Pertukaran daripada DS kepada PL dapat dilihat berlaku pada tindakan memohon maaf daripada Duta Indonesia ke Malaysia, Dr. K.P.H. Rushihardjo, mengenai peristiwa membakar bendera sebagai bantahan terhadap isu telaga minyak, disebutkan pada bahagian awal makalah ini. Dalam permohonan maaf itu yang berbunyi “Saya ingin memohon maaf bagi pihak Jakarta dan berharap tindakan diambil terhadap mereka yang menghina bendera kebangsaan Malaysia” (*The Star*, Edisi Rabu 15 Mac 2006, hlm. 3), DS bertukar menjadi PL dengan memohon maaf bagi seluruh rakyat Indonesia dan menyatakan harapan Indonesia untuk mencapai penyelesaian aman, walaupun sesetengah rakyat republik itu, seperti yang dilaporkan dalam media, mahu isu ini ditangani dengan cara militer. Selain penggunaan cara memohon maaf ini, pertukaran daripada DS kepada PL boleh juga dilihat pada satu lagi kenyataan yang dibuat oleh Theo L. Sambuaga, Pengerusi Komisi 1 dalam Dewan Rakyat Parlimen Indonesia. Beliau didapati berkata “Indonesia mempercayai tuntutan republik itu ke atas kawasan-kawasan minyak Malaysia di perairan Sulawesi boleh diselesaikan dengan baik, berdasarkan hubungan baik antara Malaysia dengan Indonesia”. Beliau kemudiannya dilaporkan berkata “bahawa cara terbaik untuk menyelesaikan isu ini adalah melalui cara diplomasi, yakni melalui perbincangan terbuka” (*The Star*, Edisi Selasa 21 Mac 2005, hlm. 2).

Konsep positif tentang keamanan, *la raison de system*, yang wujud dalam budaya diplomasi profesional, dan ciri-ciri yang dikemukakan oleh Matos (2004) merupakan komponen penting kepada komunikasi diplomasi. Penekanan terhadap “apa yang diperlu dikatakan” secara membina dan usaha mengelak daripada berkata “apa yang tidak perlu dikatakan” juga didapati penting kepada ritualisasi dalam diplomasi, yang didapati seiringan pula dengan penggunaan kata dan frasa “cinta kepada keamanan” dalam media, seperti *diselesaikan dengan baik, hubungan baik antara Malaysia dengan Indonesia, cara diplomasi, dan melalui perbincangan terbuka*. Sambuaga, dilaporkan dalam media Malaysia sebagai salah seorang pengkritik paling

lantang, yang amat tidak senang dengan kehadiran Shell Malaysia di perairan Sulawesi, pada DS, bertukar menjadi PL untuk memulihkan keadaan runcing yang boleh menjejaskan hubungan bilateral antara Malaysia dengan Indonesia. Tindakan Sambuaga untuk bercakap bagi pihak Indonesia, ialah sifat yang ada pada PL.

Dalam konteks yang sama, pertukaran daripada DS kepada PL melalui komunikasi diplomasi, boleh juga dilihat pada jenis bahasa yang digunakan semasa Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-12 pada 2003 di Kuala Lumpur, dan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) 2003, juga di Kuala Lumpur. Lebih daripada 30 buah negara menghadiri kedua-dua acara tersebut. Biarpun sekali-sekala terdapat bantahan keras mengenai cara urus tadbir sesetengah kerajaan, namun keperluan untuk akur kepada norma-norma diplomasi, dipatuhi oleh semua pihak. Ucapan-ucapan yang disampaikan oleh para pemimpin sebenarnya ditulis oleh para diplomat, dan ini dilakukan agar mematuhi norma-norma budaya diplomasi profesional. Hal begini membawa kepada senario menarik yang memperlihatkan kata-kata atau bahasa DS bertukar menjadi kata-kata atau bahasa PL, melalui para pemimpin negara masing-masing.

Pada Contoh 1 dan Contoh 2 yang berikut (Hafriza Burhanudeen, 2005), kata dan frasa yang digunakan untuk “berlakon” sebagai PL, boleh dijelaskan dengan baik sebagai “mekanisme interkomunikasi” dalam kalangan ahli sesuatu kelompok tertentu, dengan menguasai “beberapa kata khusus” serta mempunyai “matlamat-matlamat awam sepunya yang dipersetujui umum” (Swales, 1990: 29), supaya mencari satu suasana harmoni dalam diplomasi antarabangsa. Jenis suasana yang diidamkan itu diperolehi dengan mengamalkan norma yang menjadi amalan sewaktu memuji pemimpin negara tuan rumah, selain menyampaikan salam rakyat negara sendiri. Gaya dan keformalan yang terdapat dalam kod atau bahasa yang difahami bersama itu, *interpretationsgemenscaf*, dalam ranah PL, boleh diperlihatkan pada Contoh 1 dan Contoh 2 yang berikut. Seperti yang dapat dilihat di bawah, gaya bahasa yang diperlukan oleh PL dicirikan oleh ayat-ayat panjang, yang didapati selari dengan sebilangan sematan (*embedding*) yang agak banyak dalam ayat yang sama. Ayat-ayat panjang ini diiringi oleh “hal-hal positif” (contoh-contohnya digarisi dalam teks di bawah) melalui penggunaan kata adjektif, kata kerja dan kata nama yang membina serta yang menjaga maruah manusia, yang banyak (Matos, 2004).

Penelitian tentang ucapan-ucapan lain yang disampaikan semasa Sidang Kemuncak NAM dan Sidang Kemuncak OIC, memperlihatkan gaya yang

dihuraikan di atas, sebagai gaya yang selalu digunakan dalam semua ucapan yang terdapat dalam korpus data. Persamaan ini dalam penggunaan bahasa dalam kalangan ahli komuniti diplomasi profesional, sudah tentu dapat membantu memantapkan norma serta nilai komunikasi diplomasi, dalam jangka waktu yang panjang. Melalui penggunaan bahasa yang konvensional, DS boleh bertukar menjadi PL dengan mudah, berdasarkan pengalaman dan keyakinan.

Contoh 1

Yang berikut ini ialah teks (yang diterjemahkan daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu) Tuan Yang Terutama Seyed Mohammad Kahtami, Presiden Republik Islam Iran semasa Pertemuan OIC pada 16 Oktober 2003. Ucapan Yang Terutama bermula dengan:

“Saya berdiri di sini pada kesempatan ini untuk menyatakan rasa puas hati saya yang amat sangat kerana dapat menghadiri perhimpunan mulia ini, yang terdiri daripada Yang Berbahagia Ketua-ketua Negara serta Kerajaan Negara Anggota OIC, serta menyampaikan salam persaudaraan yang mesra daripada golongan Muslim di Iran, kepada tuan-tuan dan puan-puan serta semua negara Islam. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah yang ikhlas daripada kami kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang terhormat atas pelantikan yang amat kena pada tempatnya, untuk jawatan pengerusi Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam ke-10, dan mengucapkan selamat maju jaya kepada beliau dalam menjalankan tugas mencabar yang menanti beliau.”

Contoh 2

Yang berikut ialah teks (yang diterjemahkan daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu) daripada Tuan Yang Terutama, Presiden General Pervez Musharraf dari Pakistan, semasa berlangsungnya Sidang Kemuncak OIC pada 17 Oktober 2003. Ucapan Tuan Yang Terutama berbunyi:

“Ini merupakan satu kegembiraan dan penghormatan untuk berada di negara saudara kita, Malaysia, bersama-sama dengan begitu ramai pemimpin besar dari dunia Islam. Kedatangan kami disambut dengan mesra dan ramah. Kami mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Mahathir Mohamad, dan kepada kerajaan serta rakyat Malaysia. Ketekunan dan keazaman yang diperlihatkan, kemajuan dan kemakmuran yang dikecapi oleh Malaysia di bawah

kepimpinan Perdana Menteri yang pintar, adalah contoh dan petunjuk untuk seluruh dunia Islam.”

Inti pati penting pada komunikasi diplomasi ialah tumpuan ke arah pembentukan kerjasama dua hala dan kolaborasi untuk menangani isu-isu dunia, yang mempunyai potensi untuk mencetuskan konflik dalam kalangan pemimpin dari banyak negara. Ini merupakan tempat ujian untuk PL, satu situasi yang menghendaki PL bertindak dengan jayanya, walaupun terdapat keengganan pada DS, dan ini ialah satu konteks yang memperlihatkan komunikasi diplomasi berada pada keadaan paling unggul, yakni penggunaan kata dan frasa yang disarati dengan makna dan hajat bagi mencapai tujuan utama, yakni untuk terus “bertindak” dalam kapasiti PL agar matlamat kepentingan bersama dalam diplomasi tercapai. Sehubungan dengan ini, imbasan tentang PL yang sedang “bertindak”, dibincangkan pada dua contoh yang berikut: Contoh 3 dan Contoh 4. Perbincangan yang berikut lazimnya muncul selepas tertib tegur sapa, seperti yang terdapat pada Contoh 1 dan Contoh 2.

Contoh 3 (Hafriza Burhanudeen, 2005) yang berikut memperlihatkan sebahagian daripada ucapan Presiden Pervez Musharraf dari Pakistan semasa berlangsungnya Sidang Kemuncak OIC pada 17 Oktober 2003. Manakala Contoh 4 mengandungi sebahagian daripada ucapan Tabo Mbeki, Presiden Afrika Selatan pada Sidang Kemuncak NAM pada 24 Februari 2003. Pada kedua-dua contoh ini, DS mengambil peranan PL, dengan mematuhi syarat dan tuntutan yang ada pada PL, agar menggunakan kata dan frasa yang membina dan yang boleh mewujudkan keamanan, dengan tidak sekali-kali menggunakan bahasa yang sifatnya agresif, tak sensitif, dan menghina. Ini melibatkan penggunaan kata-kata yang berikut, yang terdapat pada dua ucapan penuh tersebut: *kesempatan, secara kolektif, membantu, pertemuan, maruah, aspirasi, keyakinan, kemajuan, penyelesaian aman, dan toleransi*, sekadar menyebut beberapa sahaja. Ini kemudiannya diikuti oleh imej-imej positif yang memberangsangkan semasa seruan dibuat untuk menjalinkan hubungan erat, kerjasama dan kolaborasi, seperti pada penggunaan kata-kata yang berikut: *mempertahan, menegaskan sekali lagi, secara aman, berharap, dialog, negara-negara sealiran, kerjasama, dan perpaduan*, juga sekadar menyenaraikan beberapa sahaja. Kehadiran PL juga ditandai oleh penggunaan kata ganti nama *kita* yang banyak atau kerap (seperti yang terdapat pada Contoh 3 dan Contoh 4), untuk membentuk imej *kita* yang kolektif sifatnya, bagi menonjolkan tujuan kerjasama, persetujuan, kolaborasi, dan penyatuan. Penggunaan bahasa yang positif dan membina juga selaras dengan lima ciri komunikasi diplomasi Matos (2005:283–284).

Contoh 3

Ini ialah sebahagian daripada teks (yang diterjemahkan daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu) ucapan Presiden General Pervez Musharraf, Pakistan, semasa Sidang Kemuncak OIC 2003:

“Kita mesti mengiktiraf bahawa, malangnya, krisis yang melanda dunia Islam bukan sahaja bersifat luaran, ia juga bersifat dalaman. Krisis ini adalah disebabkan oleh kelemahan dan kerapuhan kita. Ia wujud dalam kemunduran ekonomi, sosial, dan sumber manusia kita, daripada kebergantungan dan kerapuhan kita, daripada pembahagian dan kelainan (kita), dan di antara masyarakat dan negara kita. Tuan-tuan Yang Terutama, kita berada pada waktu genting dalam sejarah, kita boleh mengambil peluang yang tersedia dan berkembang dari situ dengan jayanya, atau kita boleh membiarkan peluang di hadapan mata menentukan nasib dan masa depan (kita). Kita mesti menukar cabaran kepada peluang. Kita mesti berfikir dan bertindak dengan cepat dan secara kolektif, demi orang-orang kita yang menderita dan untuk generasi akan datang kita. Kita mesti bertindak untuk menghidupkan mesej Islam dan peninggalan agung yang kita warisi. Kita boleh membantu yang lain. Secara kolektif, kita boleh, dan mesti, membantu mereka yang paling miskin dalam kalangan kita. Masanya sudah tiba bagi (kita) bangkit untuk mengatasi perbezaan kita, membina persamaan kita dan mewujudkan imej cerah untuk negara-negara kita. Kita akan memberi rakyat kita maruah, kehendak mereka, dan pembangunan yang dihasratkan mereka. Dan kita akan menghubungi negara-negara lain di dunia, dengan keyakinan dan meminta mereka untuk bersama-sama kita dalam usaha kita mencari keadilan, membasmi kemiskinan dan menyebarkan pendidikan.”

Contoh 4

Ini merupakan sebahagian teks (yang diterjemahkan daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu) yang diambil daripada ucapan Presiden Thabo Mbeiki, dari Afrika Selatan pada Sidang Kemuncak NAM, pada 24 Februari 2003:

“Tanggungjawab kita untuk mempertahankan apa yang menjadi pendirian kita memerlukan kita sekali lagi menegakkan dan mempertahankan dengan penuh semangat kewajipan kita untuk mencari penyelesaian damai kepada konflik-konflik antarabangsa. Sehubungan dengan ini, adalah menjadi keperluan mutlak bahawa kita, yang diberikan tanggungjawab itu, hendaklah tidak teragak-agak untuk

bertindak bagi memastikan tercapainya penyelesaian damai sedemikian, walaupun dalam keadaan yang melibatkan negara-negara anggota kita.

Tanggungjawab ini menuntut kita agar melakukan segala-segalanya agar kita dapat mempertahankan dan mengajukan prinsip dan amalan multilateralisme, sebagai menentang kecenderungan ke arah unilateralisme. Ini memerlukan kita berjuang dengan lebih gigih lagi untuk mendemokrasikan sistem urus tadbir dalaman. Untuk kita melakukan semua ini memerlukan kita menghormati kedua-dua keputusan yang kita buat secara kolektif, dan juga yang oleh kerajaan, negara dan rakyat. Penyelesaian kita hendaklah mempunyai lebih banyak makna daripada hanya sekadar merupakan ketetapan yang kita ambil. Kerjasama, perpaduan serta penyatuan dalam kalangan kita semua seperti negara dan pergerakan yang sealign perjuangan, merupakan satu-satunya cara untuk menjamin keberkesanan suara negara-negara membangun dalam ehwal dunia.”

Perbincangan Contoh-contoh 1 – 4 di atas bertujuan memperlihatkan *bagaimana* DS bertukar menjadi PL dalam konteks ucapan pada korpus data. Ucapan-ucapan itu memperlihatkan bahawa dalam diplomasi, PL hendaklah cekap dalam mencapai matlamat-matlamat diplomasi. Seperti pada ucapan, kecekapan ini diperlihatkan dalam kebolehan menggunakan bahasa pada diri PL, ke arah diksi yang baik, penyematan yang memperlihatkan beberapa konstituen diselitkan ke dalam sesuatu struktur itu, dan kehadiran konstruksi frasa dan ayat yang kompleks, bagi memastikan tujuan utama untuk mengelakkan bangkangan, bersetuju bersama-sama atau mewujudkan kesalingan dan kerjasama dua hala antara negara. Dalam melakukan semua ini, DS hilang kebebasan untuk memberikan komen serta pendapat secara langsung dan jitu, semasa bertukar menjadi PL. Dalam makalah ini, penjelasan akhir tentang pertukaran DS kepada PL boleh dilihat pada Contoh 5, iaitu kata ganti nama orang ketiga.

Kata ganti nama orang ketiga ialah satu bentuk yang lazim digunakan dalam komunikasi atau perutusan diplomasi antara negara tuan rumah dengan kedutaan asing. Isu-isu yang dibangkitkan dalam bentuk kata ganti nama orang ketiga, boleh wujud dalam pelbagai corak, bermula daripada permintaan umum untuk memperoleh keterangan tentang sesuatu polisi baharu ataupun yang dipinda, serta prosedur dalam negara tuan rumah atau negara asing, sehinggalah kepada masalah-masalah yang boleh menjejaskan hubungan bilateral. Makalah ini membicarakan satu isu yang berkaitan

dengan kata ganti nama orang ketiga, untuk memperlihatkan contoh yang menarik tentang pertukaran DS kepada PL.

Pada Contoh 5 berikut (Hafirza Burhanudeen, 2003a), diplomat yang menulis dokumen itu bertukar kepada PL dan menyuarakan kebimbangan kerajaannya tentang penghantaran muatan uranium terpakai dengan kapal melalui Selat Melaka. Di sini, sebagai PL, diplomat ini mempunyai kuasa untuk bercakap untuk Kerajaan Malaysia. Dalam kapasiti PL, diplomat ini mengetahui bahawa penerima surat yang ditulisnya itu, bukan sahaja akan memberikan perhatian kepada mesej di dalamnya yang menggunakan kata ganti nama orang ketiga, tetapi diplomat ini juga pasti bahawa satu respons kepada permintaan daripada penulis surat itu akan juga diperoleh. Hanya mereka dalam bidang diplomasi, selain Perdana Menteri, mempunyai pengaruh sedemikian ke atas kerajaan lain.

Pertukaran diplomat ini kepada PL, seperti yang tertera pada Contoh 5, walau bagaimanapun, masih ditandai dengan pematuhan kepada syarat budaya diplomasi profesional dan peraturan komunikasi diplomasi, seperti yang dibincangkan pada Contoh-contoh 1–4.

Contoh 5

GTS 7/2002 (Bilangan rujukan kementerian berkenaan). Teks ini diterjemahkan daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu:

“Kementerian Luar Negeri menyampaikan salam hormat kepada Kedutaan Jepun, dan dengan hormatnya merujuk kepada penghantaran uranium terpakai, yang bakal melalui Selat Melaka oleh sebuah kapal yang mempunyai pendaftaran Jepun.

Kementerian ini juga dengan penuh rasa hormatnya menyampaikan kebimbangan Malaysia yang amat sangat terhadap ancaman pencemaran nuklear yang menggugat manusia dan persekitaran negara-negara pesisir, sekiranya berlaku pelanggaran di Selat Melaka. Sekali lagi, Kerajaan Malaysia ingin merakamkan rasa bimbangannya terhadap penghantaran sisa nuklear yang sangat berbahaya ini dengan menggunakan sebuah kapal satu badan yang usang lagi kurang cekap dari segi pelayaran, melalui Selat Melaka yang sibuk, justeru meningkatkan kebarangkalian yang besar berlakunya kemalangan sedemikian rupa.

Kementerian ini mengingatkan sokongan Jepun terhadap Zon Bebas Nuklear Asia Tenggara serta syarat dan peruntukan mengenai laluan bahan nuklear yang berbahaya. Sehubungan dengan ini, Kementerian

ini ingin memohon bantuan Kedutaan Jepun untuk memastikan bahan nuklear yang berbahaya tidak diangkut oleh mana-mana kapal, termasuklah Tosiomaru dengan muatan yang terdiri daripada uranium terpakai, melalui Selat Melaka dan kawasan samudera Asia Tenggara yang lain.

Kementerian Luar Negeri ingin, pada kesempatan ini, memperbaharu keyakinan terhadap Kedutaan Jepun, dalam menangani perkara ini.”

Pada contoh di atas, PL yang diberi kuasa untuk bercakap bagi pihak kerajaan dan negaranya, membayangkan rasa tidak puas hati Malaysia, tentang ancaman pencemaran nuklear yang mungkin terjadi, terhadap kawasannya serta negara-negara pesisiran pantai yang lain, dengan pelayaran Tosiomaru melalui Selat Melaka, dalam cara diplomasi yang lazim dipakai, iaitu secara tidak langsung: mencari persetujuan, mengelakkan perselisihan, mengurangkan paksaan, menegaskan kepentingan bersama, dan memupuk kesalingan. Strategi-strategi ini sesungguhnya menzahirkan *la raison de system* dalam bidang diplomasi, dalam kes ini, menyatakan hasrat agar permintaan yang diajukan itu dipenuhi dengan cara mesra. Sehubungan dengan ini, dengan mengelakkan kata-kata yang dapat membayangkan maksud bantahan kuat, seperti “*menentang* penghantaran uranium terpakai” atau menyuarakan “*rasa tidak senang hati* Malaysia” terhadap penghantaran uranium yang dihasratkan, atau Malaysia ingin “menyuarakan *bantahan* terhadap penghantaran uranium”, Malaysia merakamkan rasa tidak senang hatinya dengan menyatakan “*rasa bimbang yang amat sangat*” terhadap penghantaran, dan kemudiannya “ingin terus menyatakan *rasa bimbang yang mendalam*” terhadap penghantaran uranium tersebut. Tahap *rasa tidak senang hati* atau *bantahan* yang dinyatakan melalui kata-kata “*rasa bimbang yang amat sangat*”, dan “*rasa bimbang yang mendalam*” boleh dikatakan merupakan diksi yang semantik protesnya tidaklah sekuat yang tergambar pada kata-kata *menentang*, *rasa tidak senang*, dan *bantahan*. Hal ini dapat dilihat pada implikasi “risau” pada kata “bimbang” berbanding dengan implikasi membantah yang kuat pada kata *membantah* dan *menentang*, dua kata yang boleh digunakan oleh DS tetapi sama sekali tidak sesuai untuk digunakan oleh PL dalam bidang diplomasi.

Pada perenggan terakhir, PL menyeru agar wujud kerjasama dengan mengingatkan Jepun tentang Zon Bebas Nuklear Asia Tenggara, yang salah satu daripada syarat dan peraturannya adalah larangan pengangkutan bahan nuklear berbahaya dalam kawasan tersebut. Dengan mengingatkan Jepun tentang perjanjian ini, PL berusaha meminimumkan desakan verbal, bagi

pihak Malaysia, ke atas Jepun, dengan menyatakan secara tersirat bahawa “kami tidak menyuruh anda memberhentikan hasrat mengangkut bahan itu, tetapi oleh sebab anda sudah pun bersetuju dengan perjanjian yang tidak membenarkan tindakan berkenaan. Justeru, anda (Jepun), seperti juga kami (Malaysia), harus akur kepadanya”. Pengurangan desakan ini dilakukan melalui kenyataan “Kementerian ini ingin memohon *jasa baik* Kedutaan Jepun ...”, yang memperlihatkan penggunaan ungkapan *jasa baik* sebagai usaha melembutkan bantahan kuat Malaysia yang mahu Jepun mengambil tindakan yang sesuai, seperti yang diharapkan oleh Malaysia. Sesungguhnya, kata-kata yang digunakan oleh PL disusun dengan hemat lagi sopan, untuk mencapai matlamat terakhir dalam diplomasi, iaitu memohon kerjasama sebuah negara lain, secara bijak, sopan tetapi tegas, dalam usaha menghalang kemungkinan berlakunya sebuah malapetaka persekitaran, dan pada masa yang sama menunaikan tuntutan utama diplomasi, yakni tidak lain dan tidak bukan menjalin dan mengekalkan hubungan bilateral antara kedua-dua negara. Pengetahuan tentang hal-hal *mengapa* dan *bagaimana* dalam komunikasi diplomasi, sesungguhnya, ini merupakan ramuan penting untuk memastikan kemantapan budaya diplomasi profesional. Ini kemudiannya pula, dapat memastikan penyelesaian aman kepada masalah genting antara negara yang terlibat. Dalam hal ini, DS “diketepikan”, manakala PL “terus berperanan”.

KESIMPULAN

Kekuatan makalah ini terletak pada landasan empiris tentang beberapa andaian umum yang berhubung dengan para diplomat, budaya diplomasi profesional, pertukaran daripada DS kepada PL dalam diplomasi antarabangsa. Ulasan serta huraian kosa ilmu tentang *mengapa* mengenai budaya diplomasi profesional dan komunikasi diplomasi yang didapati sering dengan penemuan penelitian tentang *bagaimana* para diplomat berkomunikasi, dalam konteks ucapan dan perutusan diplomasi, memperlihatkan keperluan untuk kedua-dua kosa ilmu *mengapa* dan *bagaimana* ini sama-sama wujud untuk membolehkan komunikasi yang berkesan berlaku. Dalam hal ini, DS, yang ditandai dengan latar kepelbagaian agama, bangsa, fahaman politik, latar sejarah, budaya, dan norma sosiolinguistik dalam kalangan ahli-ahli dari negara-negara yang berlainan, dikehendaki bertukar daripada DS kepada PL, untuk memenuhi tanggungjawab kepada negaranya.

Masih terdapat banyak ruang untuk diteliti dalam proses memahami sifat kompleks pada budaya diplomasi profesional, komunikasi diplomasi, dan agen-

agen diplomasi, pihak kedutaan, dan dalam konteks-konteks lain, selain yang dibicarakan dalam makalah ini. Tidak dinafikan bahawa terdapat juga cara-cara lain untuk menjelaskan budaya diplomasi profesional dan komunikasi diplomasi. Namun demikian, pada pendapat penulis, bahagian penting pada penemuan makalah ini, yakni wujudnya *interpretationsgemeinschaft* dan *la raison de system* dalam diplomasi, akan terus wujud dan diamalkan dalam ranah-
 ranah lain dalam diplomasi, sebagai satu bidang yang menghendaki PL memainkan peranan yang dominan, untuk menguasai DS sepenuhnya.

RUJUKAN

- Aliska M., "Occidentalism: The Historical Fantasy of the Modern" dlm. *South Atlantic Quarterly* 102:2-3, hlm. 351-379, Mac 2003.
- Bell, C., 1992. *Ritual Theory, Ritual Practice*. Oxford: Oxford University Press.
- Buruma, Ian dan Avishai Margalit, 2004. *Occidentalism: A Short History of Anti-Westernism*. Atlantic Books.
- Claes, M.T., 2004. "The Interaction between Organisational Culture and National Culture". Kertas kerja dalam *Second International Conference on Intercultural Communication and Diplomacy*. Malta, 13-15 Februari 2004.
- Couze Venn, 2001. *Occidentalism: Modernity and Subjectivity*. Sage Publication.
- Fisher, G., 1980. *International Negotiation: A Cross-Cultural Perspective*. Chicago: Chicago Press.
- Freeman, C., 1997. *The Diplomat's Dictionary*. Washington D.C. :United States Institute of Peace Press.
- Hafirza Burhanudeen, 2003a. "Course Materials for Diplomats: Essential Guidelines" dlm. Jayakaran Mukundan (ed.), 2003. *Readings on ELT Material*. UPM: UPM Press.
- Hafirza Burhanudeen, 2003b. "Language of Diplomacy" dlm. *Journal of the Materials Development Association (MATSDA)*, 8:1 dan 8:2, hlm. 32-37, November 2003.
- Hafirza Burhanudeen, 2005. "Registers in International Diplomacy: Generalized Stylistic Choices in Speeches" dlm. www.educ.utas.edu.au/ *The International Journal of Language, Society and Culture*. Issue 15.
- Hofstede, G., 2004. "Diplomats as Cultural Bridge Builders". Kertas kerja dalam *The Second International Conference on Intercultural Communication and Diplomacy*. Malta, 13-15 Februari 2004.
- Johnson, M., 1987. *The body in the Mind: The Bodily Basis of Meaning, Imagination, and Reason*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Jonsson, C dan Hall, M., 2002. "Communication: An Essential Aspect of Diplomacy". Kertas kerja dalam *The 43rd Annual ISA Convention*. New Orleans, 23-27 Mac 2002.

- Matos, F.G., 2004. "Applying the Pedagogy of Positiveness to Diplomatic Communication". Kertas kerja dalam *The Second International Conference on Intercultural Communication and Diplomacy*. Malta, 13–15 Februari 2004.
- Rana, K., 2004. "Professional Diplomatic Culture and Dialogue with Domestic Stakeholders". Kertas kerja dalam *The Second International Conference on Intercultural Communication and Diplomacy*. Malta, 13–15 Februari 2004.
- Rommetveit, R., 1974. *On Message Structure. A Framework for the Study of Language and Communication*. London: John Wiley.
- Satow, E., 1908. *An Austrian Diplomat in the Fifties*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Sharp, P., "For Diplomacy: Representation and the Study of International Relations" dlm. *International Studies Review* 1:1, hlm. 33–57, 1999.
- Swales, John M., 1990. *Genre Analysis: English in Academic and Research Settings*. Cambridge: Cambridge University Press.
- The Star*, "Envoy Apologizes to Malaysia", 15 Mac 2005.
- The Star*, "Issue Can be Resolved Amicably", 21 Mac 2005.
- Tran, Van Dith., 1987. *Communication and Diplomacy in a Changing World*. N.J.: Norwood.

Ucapan

- Ucapan Presiden Seyed Mohammad Khatami (Republik Islam Iran) di Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam ke-10, Kuala Lumpur, 11–18 Oktober, 2003.
- Ucapan Presiden General Pervez Musharraf (Pakistan) di Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam ke-10, Kuala Lumpur, 11–18 Oktober 2003.
- Ucapan Presiden Mbeki (Afrika Selatan), di Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), Kuala Lumpur, 24 Februari 2003.

Makalah ini diterjemahkan oleh Teo Kok Seong.